UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***SIKAP, PENGETAHUAN DAN KOMITMEN AHLI TERHADAP PROGRAM RAKAN COP SERTA KESAN KEPADA DIRI DAN MASYARAKAT***

**SUFFIAN BIN SULAIMAN**

**IPSS 2012 7**

# SIKAP, PENGETAHUAN DAN KOMITMEN AHLI TERHADAP PROGRAM RAKAN COP SERTA KESAN KEPADA DIRI DAN MASYARAKAT

© COPYRIGHT UPM

**SUFFIAN BIN SULAIMAN**

**MASTER SAINS**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2012**

**SIKAP, PENGETAHUAN, DAN KOMITMEN AHLI TERHADAP PROGRAM RAKAN COP SERTA KESAN KEPADA DIRI DAN MASYARAKAT**

Oleh

**SUFFIAN BIN SULAIMAN**

**Tesis ini di Kemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**Mei 2012**

© COPYRIGHT UPM

Abstrak Tesis Yang Di Kemukakan Kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains

**SIKAP, PENGETAHUAN DAN KOMITMEN AHLI TERHADAP PROGRAM RAKAN COP SERTA KESAN KEPADA DIRI DAN MASYARAKAT**

Oleh

**SUFFIAN BIN SULAIMAN**

**Mei 2012**

**Pengerusi : Jamilah Othman, PhD**

**Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial**

Penyelidikan ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi ahli Rakan Cop Kuala Lumpur terhadap keberkesanan program Rakan Cop yang telah ditubuhkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Objektif umum kajian ini adalah untuk melihat sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama ahli Rakan Cop terhadap program dan kesannya kepada diri dan masyarakat. Terdapat empat objektif khusus yang telah dibentuk iaitu (a) mengenal pasti tahap kesan program Rakan Cop, (b) mengenal pasti tahap sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama ahli terhadap program Rakan Cop, (c) menentukan perbezaan terhadap kesan program Rakan Cop berdasarkan faktor gender dan etnik, dan (d) menentukan perkaitan antara pemboleh ubah sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama terhadap kesan program Rakan Cop.

© COPYRIGHT UPM

Soal selidik yang dibentuk berdasarkan adaptasi kajian terdahulu, diolah mengikut kesesuaian konteks dan dijalankan pra-uji bagi menentukan nilai kebolehpercayaan. Pengumpulan data secara bersemuka digunakan bagi mendapatkan data. Sampel kajian ini terdiri daripada 384 orang ahli Rakan Cop dan dipilih menggunakan teknik persampelan berkelompok berdasarkan ciri-ciri responden yang ditetapkan. Lokasi pengumpulan data pula adalah berdasarkan perbincangan penyelidik dengan Bahagian Hal Ehwal Awam, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur meliputi lima (5) kawasan tumpuan utama seperti Sentul, Dang Wangi, Brickfields, Bangsar dan Cheras.

Responden (ahli Rakan Cop) memberikan penilaian yang sangat baik kepada pemboleh ubah bersandar iaitu Keberkesanan Program Rakan Cop yang meliputi dua (2) aspek iaitu keberkesanan program Rakan Cop terhadap individu ($M$=3.99) dan terhadap masyarakat ($M$=4.00). Dapatan serupa juga diperoleh bagi semua pemboleh ubah bebas yang dikaji meliputi pemboleh ubah persepsi ($M$=3.87), pemboleh ubah pengetahuan ($M$=3.91), pemboleh ubah komitmen ($M$=3.96) dan pemboleh ubah kerjasama ($M$=3.96). Analisis korelasi pearson dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Bagi keberkesanan program Rakan Cop terhadap individu, didapati semua pemboleh ubah iaitu Persepsi, Pengetahuan, Komitmen, dan Kerjasama ahli terhadap program Rakan Cop ini menunjukkan perkaitan yang signifikan, hubungan yang sederhana dan positif. Manakala bagi keberkesanan program Rakan Cop terhadap masyarakat, didapati semua pemboleh ubah bebas menunjukkan nilai korelasi $r$ yang lebih tinggi berbanding keberkesanan program Rakan Cop terhadap diri responden.



© COPYRIGHT UPM

Akhirnya penyelidik mencadangkan kepada Unit Rakan Cop (PDRM) supaya lebih aktif dalam menjalankan kempen dan program pendidikan serta latihan-latihan asas kepada masyarakat umum supaya mereka lebih matang dalam mengurus jenayah sebelum ketibaan pihak polis di lokasi berlakunya jenayah. PDRM juga perlu berusaha memberi imej yang positif di kalangan warga masyarakat agar masyarakat yakin dan lebih bersedia untuk melibatkan diri dan memberi komitmen dalam program-program Rakan Cop.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master Science

**ATTITUDE, KNOWLEDGE, AND COMMITMENT AMONG MEMBERS TOWARDS RAKAN COP PROGRAMME AND THE EFFECTS TOWARDS INDIVIDUAL AND COMMUNITY**

**By**

**SUFFIAN SULAIMAN**

**May 2012**

**Chairman: Jamilah Othman, PhD**

**Faculty: Institute for Social Science Studies**

This research was conducted to identify the attitude of citizens towards the effects of Rakan Cop programme that was established by the Royal Malaysia Police (PDRM). The general objective of this study is to determine the attitude, knowledge, and commitment among members and the effects of the Rakan Cop programme towards individual and community. There are four specific individual objectives that have been formed, namely (a) determine the level of effect of the Rakan Cop programme, (b) identify the level of attitude, knowledge, commitment and cooperation of members of the Rakan Cop, (c) determine the difference on the effect of the Rakan Cop programme based on gender and ethnicity, and (d) determine the relationship between perceptions, knowledge, commitment and cooperation towards the effect of Rakan Cop programme.

© COPYRIGHT UPM

A pre-test was carried out to ensure reliability of the instrument. Face-to-face session was employed to obtain the data. The questionnaire was developed from various studies and was adopted according to the context of the study. The sample of the study constitutes of 384 respondents and cluster sampling technique was used based on the defined characteristics of the respondents. The location of the data collection based on the recommendation by the IPK, Kuala Lumpur and it constitute five main areas, and they are Sentul, Dang Wangi, Brickfields, Bangsar and Cheras.

The respondent (members of Rakan Cop) provided an excellent assessment for the dependent variable which is the effectiveness of Rakan Cop programme that includes two aspects, namely the effect of the programme on the individual ($M$=3.99) and the community ($M$=4.00). Similar findings were also obtained for all independent variables studied including attitude ($M$=3.87), knowledge ($M$=3.91), commitment ($M$=3.96) and cooperation ($M$=3.96). Pearson correlation analysis was conducted to determine the effect of independent variables on the dependent variable. For the effect of Rakan Cop programme towards individual, the result showed that all the variables Attitude, Knowledge, Commitment, and Co-operation had a significant correlation, a moderate and positive relationship. Besides, all the independent variables showed a higher correlation r value on the effect of Rakan Cop programme towards community compare to the effect of Rakan Cop program toward individuals.



© COPYRIGHT UPM

Finally, the researcher proposes to PDRM’s Rakan Cop Unit to be more active in running educational campaigns and training base to the public so that they are more matured in preventing crime before the arrival of the police in the crime location. PDRM also must give a positive image towards the public so that the community are confident and more willing to engage and commit with the Rakan Cop programs.

© COPYRIGHT UPM

# PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Pertama kali saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan tesis master sains ini sebagai memenuhi keperluan untuk menamatkan pengajian Master Sains dalam bidang Pengajian Keamanan di Universiti Putra Malaysia. Ramai telah menghulurkan bantuan sama ada secara langsung ataupun tidak kepada kejayaan penyelidikan ini.

Terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Berbahagia Dr. Jamilah Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis dan Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Khairuddin Idris serta Dr. Azahari Ismail yang berperanan sebagai ahli dalam jawatankuasa ini yang telah bertungkus lumus membantu dan memberikan panduan yang tidak berbelah bagi dalam menyempurnakan tesis ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada kalian sudah pasti tesis ini tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang sama-sama terlibat secara langsung dalam menjayakan kajian ini, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai, dan rakan-rakan di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) dan juga di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan (JPPPL), terima kasih atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan.

© COPYRIGHT UPM

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada **14 Mei 2012** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Suffian bin Sulaiman** untuk menilai tesis beliau yang bertajuk **"Sikap, Pengetahuan, Dan Komitmen Ahli Terhadap Program Rakan Cop Serta Kesan Kepada Diri Dan Masyarakat"** mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Master Sains**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ismi Arif Ismail, PhD**
Profesor Madya,
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Shamsuddin Ahmad, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Azizan Asmuni, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Faridah Ibrahim, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

_________________________

**Seow Heng Fong, PhD**
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jamilah Othman, PhD**
Ketua Laboratori
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Khairuddin Idris, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(ahli)

**Azahari Ismail, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(ahli)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

**SUFFIAN SULAIMAN**

Tarikh : 14 Mei 2012

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | **i** |
| **ABSTRACT** | | **iv** |
| **PENGHARGAAN** | | **vii** |
| **PENGESAHAN** | | **viii** |
| **PERAKUAN** | | **x** |
| **SENARAI KANDUNGAN** | | **xi** |
| **SENARAI JADUAL** | | **xv** |
| **SENARAI RAJAH** | | **xvi** |
| **BAB** | | |
| **I** | **PENGENALAN** | |
| | Latar Belakang Kajian | 1 |
| | Pernyataan Masalah | 6 |
| | Persoalan Kajian | 9 |
| | Objektif Kajian | 9 |
| | Objektif Umum | 9 |
| | Objektif Khusus | 10 |
| | Kepentingan Kajian | 10 |
| | Limitasi Kajian | 11 |
| | Definisi Konsep & Operasional | 12 |
| | Ringkasan | 15 |
| **II** | **SOROTAN LITERATUR** | |
| | Pengenalan | 16 |
| | Keamanan dalam Komuniti | 16 |
| | Kepolisan Masyarakat | 18 |
| | Tiga Era Perubahan Konsep Kepolisan | 19 |
| | Keberkesanan Program | 21 |
| | Konsep Penilaian | 23 |
| | Keberkesanan Program Kepolisan Masyarakat | 24 |


© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| | Sikap Masyarakat Terhadap Program Kepolisan Masyarakat | 28 |
| | Pengetahuan Masyarakat Terhadap Kepolisan Masyarakat | 30 |
| | Komitmen Masyarakat Dalam Kepolisan Masyarakat | 32 |
| | Kerjasama Masyarakat Dalam Kepolisan Masyarakat | 33 |
| | Kerangka Teoritikal | 37 |
| | Ringkasan | 42 |
| **III** | **METODOLOGI KAJIAN** | |
| | Pengenalan | 44 |
| | Reka Bentuk Kajian | 44 |
| | Kerangka Kajian | 45 |
| | Populasi | 45 |
| | Kaedah Pemilihan Sampel Kajian | 47 |
| | Penentuan Sampel Kajian | 47 |
| | Pembentukan Instrumen Kajian | 48 |
| | Pentadbiran Instrumen Kajian | 49 |
| | Lokasi Kajian | 51 |
| | Kajian Rintis | 51 |
| | Laporan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen | 52 |
| | Pengumpulan Data | 53 |
| | Analisis dan Interpretasi Data | 54 |
| | Ringkasan | 54 |
| **IV** | **PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN** | |
| | Pengenalan | 55 |
| | Latar Belakang Responden | 55 |
| | Objektif 1: Mengenal pasti kesan program Rakan Cop | 58 |
| | Kesan kepada Diri (Responden) | 59 |
| | Kesan kepada Masyarakat | 60 |
| | Perbincangan | 61 |

© COPYRIGHT UPM

Objektif 2: Mengenal pasti tahap sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama responden terhadap program Rakan Cop. 63
Sikap Responden Terhadap Rakan Cop 63
Pengetahuan Responden Terhadap Rakan Cop 65
Komitmen Responden Terhadap Rakan Cop 68
Kerjasama Komuniti Terhadap Rakan Cop 70
Perbincangan 73
Objektif 3: Menentukan Perbezaan Kesan Program Rakan Cop Berdasarkan Gender Dan Etnik. 73
Gender dan kesan program Rakan Cop 74
Etnik dan kesan program Rakan Cop 76
Objektif 4: Menentukan perhubungan antara pemboleh ubah sikap, pengetahuan, kerjasama dan komitmen terhadap keberkesanan program Rakan Cop. 77
Perkaitan Faktor Umur dan Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Keberkesanan Program Rakan Cop Kepada Diri Responden 78
Perkaitan Faktor Umur dan Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Keberkesanan Program Rakan Cop Kepada Masyarakat 79
Ringkasan 81

**V Ringkasan, Implikasi dan Cadangan**
Pengenalan 82
Ringkasan Kajian 82
Kesimpulan Kajian 87
Implikasi Kajian 88
Implikasi Teoritikal 88
Implikasi Praktikal 90
Implikasi Kepada Bidang Pengajian Keamanan 91
Cadangan Kajian 92
Cadangan Kepada Unit Rakan Cop 92
Cadangan Kepada Penyelidikan Akan Datang 93
Ringkasan 94



© COPYRIGHT UPM

**RUJUKAN** 95
Lampiran 1 : Analisis G-Power 103
Borang Soal Selidik 104
**BIODATA PELAJAR** 110

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Tiga Era Kepolisan | 21 |
| 2 | Pra-ujian Kebolehpercayaan item | 52 |
| 3 | Latar Belakang Responden | 56 |
| 4 | Tahap Kesan Rakan Cop Terhadap Individu | 59 |
| 5 | Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Taburan Responden Mengikut Item Kesan Program Rakan Cop Terhadap Diri Sendiri | 59 |
| 6 | Tahap Keberkesanan Rakan Cop Terhadap Masyarakat | 60 |
| 7 | Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Taburan Responden Mengikut Item Kesan Program Rakan Cop Terhadap Masyarakat | 61 |
| 8 | Tahap Sikap Terhadap Rakan Cop | 63 |
| 9 | Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Taburan Responden Mengikut Item Sikap Terhadap Rakan Cop | 65 |
| 10 | Tahap Pengetahuan Terhadap Rakan Cop | 66 |
| 11 | Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Taburan Responden Mengikut Item Pengetahuan Terhadap Rakan Cop | 67 |
| 12 | Tahap Komitmen Terhadap Rakan Cop | 68 |
| 13 | Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Taburan Responden Mengikut Item KomitmenTerhadap Rakan Cop | 69 |
| 14 | Tahap Kerjasama Komuniti Terhadap Rakan Cop | 71 |
| 15 | Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Taburan Responden Mengikut Item Kerjasama Komuniti Terhadap Rakan Cop | 72 |
| 16 | Perbezaan Responden Berdasarkan Gender Terhadap Pembolehubah Kesan Program Rakan Cop | 74 |
| 17 | Perbezaan Responden Berdasarkan Etnik Terhadap Pembolehubah Kesan Program Rakan Cop | 76 |
| 18 | Perkaitan Faktor Demografi Dan Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Kesan Program Rakan Cop Kepada Diri | 79 |
| 19 | Perkaitan Faktor Demografi Dan Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Kesan Program Rakan Cop Kepada Masyarakat | 80 |


© COPYRIGHT UPM

# SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka Surat**

1 Kerangka Kajian 46

© COPYRIGHT UPM

# BAB I

# PENGENALAN

Bab ini membincangkan hal-hal yang berhubungkait tentang asas melakukan penyelidikan iaitu meliputi: pengenalan, latar belakang kajian, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan ringkasan.

## Latar Belakang Kajian

Hubungan polis-masyarakat melalui konsep Kepolisan Masyarakat *(Community Policing)* memerlukan suatu persefahaman antara polis dan masyarakat melalui aktiviti harian. Paksi kepada falsafah kepolisan masyarakat adalah penekanan kepada konsep kerjasama yang berkesan antara masyarakat dan pihak polis dalam usaha untuk memerangi dan mencegah jenayah yang kian menjadi begitu mencabar, kompleks dan sofistikated. Keberkesanan Kepolisan Masyarakat boleh dicapai melalui tindakan reaktif dan proaktif Jabatan polis dengan pelaksanaan undang-undang, pencegahan, penyelesaian masalah dan termasuklah perkongsian pintar bersama masyarakat demi peningkatan kualiti hidup (Trojanowicz and Bucqueroux, 1998).

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dalam semua aspek pembangunan termasuklah dalam sektor ekonomi, sosial dan politik. Namun begitu, statistik kes-kes jenayah terus menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

© COPYRIGHT UPM

Peningkatan kes jenayah ini dapat kita lihat dengan perbandingan statistik bagi sepuluh tahun lalu (1997) dengan jumlah kes jenayah sebanyak 121,176 dan kemudiannya lima tahun dahulu (2004) meningkat kepada 156, 455 kes dan terkini adalah statistik 3 tahun dahulu (2006) peningkatan kes jenayah kepada 198,622 (IPK Kuala Lumpur, 2008).

Jenayah merupakan aktiviti merampas hak, menganggu keamanan, merosak diri dan segala aktiviti ini tidak sesuai dengan norma, peraturan serta undang-undang di sesuatu tempat (Kamus Dewan Edisi Keempat; Kirkpatrick, 1976). Banyak faktor menyebabkan terjadinya jenayah, antaranya pertumbuhan dan perkembangan masyarakat, ketidakstabilan ekonomi, rendahnya tahap pendidikan, sedikitnya peluang pekerjaan dan peningkatan angka pengangguran dalam negara, juga semangat kejiranan yang kian luntur dalam masyarakat (Kirkpatrick, 1976; Oliver, 2000; Bahaman et al., 2007).

Peningkatan kes jenayah ini menyebabkan kebimbangan dan keresahan masyarakat terhadap keselamatan harta benda serta keamanan diri terutama dari kes jenayah seperti ragut, rogol dan sebagainya. Keresahan dan kebimbangan masyarakat menyebabkan wujud perasaan kurang bebas untuk melakukan aktiviti harian kerana selalu merasa takut dan tidak selamat. Peningkatan kes jenayah juga membawa impak psikologi seperti trauma terhadap golongan kanak-kanak dan remaja yang pernah menjadi mangsa jenayah (Bahaman et al., 2007).

Menyedari terjadinya peningkatan kes jenayah, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah strategik dan tepat dalam usaha menumpaskan kegiatan jenayah yang kian

© COPYRIGHT UPM

berleluasa dengan berbagai program yang sedang dilaksanakan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) demi mewujudkan keadaan dan persekitaran yang selamat sehingga masyarakat awam merasa benar-benar aman dan selamat.

Namun begitu, cabaran yang dihadapi pihak polis ialah kekurangan bilangan anggota pasukan polis dibandingkan dengan luas kawasan dan jumlah penduduk yang ramai, maka Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengambil langkah bijak dengan membentuk suatu organisasi yang melibatkan masyarakat. Maka, program kepolisan masyarakat telah diperkenalkan dan diperluaskan oleh pucuk pimpinan Polis DiRaja Malaysia dalam pelbagai pendekatan seperti Skim Kejiranan, Skim Ronda Sukarela dan sebagainya.

Kajian ini dijalankan dengan berlandaskan Teori Pendidikan Keamanan dan satu model sampingan (model perencanaan program) yang turut mendukung kerangka kajian yang dibangunkan. Beberapa kajian luar negara telah dilihat turut sama mengamalkan konsep kepolisan masyarakat dengan pelbagai pendekatan yang bersesuaian dengan konteks setempat antaranya program Chicago’s Alternative Policing Strategy (CAPS), The Houston Citizen Patrol Programme di Texas, dan Citizens Police Academy di Orlando, Amerika Syarikat. Selain itu, program kepolisan masyarakat juga turut ditubuhkan di Australia, China dan Afrika. Di Hong Kong, beberapa program kepolisan masyarakat seperti The Police Neighborhood Policing Unit (NPU), The Neighborhood Watch Scheme (NW), The Police School Liaison Scheme (PSL) dan The Police Community Relations Officer Scheme (PCRO).

© COPYRIGHT UPM

Para sarjana dalam bidang penyertaan dan penglibatan masyarakat terhadap program tajaan agensi kerajaan, telah mengenalpasti beberapa faktor yang mempunyai perkaitan positif terhadap penyertaan masyarakat dengan program kepolisan masyarakat iaitu faktor persepsi (Bahaman et al.; 2007, Heironimus; 2004, Sim, Hooper dan Peterson; 2002, Bailey; 2005), faktor pengetahuan (Hindelang; 1974, Benson; 1981, Bailey; 2005, Karen Anne; 2006, Bahaman et al.; 2007), faktor keprihatinan terhadap keselamatan dan kesediaan memberi komitmen terhadap program tersebut (Bailey; 2005, Karen Anne; 2006, Bahaman et al.; 2007) dan faktor kerjasama (Bahaman et al., 2007).

Rakan Cop merupakan salah satu elemen di dalam program kepolisan masyarakat yang telah diilhamkan oleh DCP Dato’ Mustafa Abdullah, Ketua Polis Kuala Lumpur pada tahun 2004. PDRM telah mencetuskan bahawa institusi kepolisan dan komuniti merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan dalam membanteras kes jenayah yang semakin meningkat, maka dengan itu ditubuhkan organisasi Rakan Cop bagi membantu polis dalam membanteras jenayah. Rakan Cop berperanan sebagai medium perantara bagi mengurangkan jurang antara polis dan masyarakat melalui pendekatan jelas, mudah, bersepadu dan berterusan (Rakan Cop, 2008). Oleh itu, sokongan anggota komuniti sangat perlu bagi meringankan beban polis untuk menjaga keamanan persekitaran masyarakat. Kemudian Rakan Cop dilancarkan pada 9 hari bulan Ogos 2004 oleh YB Dato’ Noh bin Omar, yang pada ketika itu merupakan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri di Esplanade Kuala Lumpur Convention Centre. Pelancaran Rakan Cop peringkat Kebangsaan pula telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Abdullah B. Ahmad Badawi pada 16 hari bulan Februari 2006 yang membawa kepada

© COPYRIGHT UPM

pengisytiharan secara rasmi program Rakan Cop sebagai program nasional dan diperluas ke seluruh negara.

Dasar penubuhan Rakan Cop bermula dengan peningkatan kadar jenayah serta situasi negara yang kekurangan anggota polis dan sikap komuniti yang kurang membantu. Langkah awal diambil oleh pihak polis adalah mencari institusi yang berminat untuk bekerjasama iaitu 1) Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), 2) Persatuan Teksi Wilayah Persekutuan, 3) DAPAT Vista Sdn Bhd (DAPAT), 4) KL FM- Saluran Radio Kuala Lumpur. Aktiviti awal dilakukan adalah jawatankuasa yang telah terbentuk dengan menggabungkan pihak polis dan wakil-wakil institusi dan agensi bagi merancang program dan tindakan. Secara perlahan Rakan Cop mendapat perhatian di kalangan masyarakat dan berjaya melibatkan lebih ramai orang awam dalam program pencegahan jenayah. Jaringan agensi dan persatuan berfungsi sebagai rakan kerja polis dalam memerangi dan memberantas jenayah serta menyampaikan maklumat secara cepat melalui telefon atau pesanan singkat (SMS). Selanjutnya polis melakukan tindakan cepat ke tempat kejadian.

Sebagai institusi baru, Rakan Cop mempunyai empat konsep dalam membanteras dan mencegah jenayah iaitu: 1) bersifat kepolisan berasaskan komuniti dan perkongsian pintar *"Community Oriented Policing dan Smart Partnership"*, 2) menggalakkan pembabitan masyarakat, pertubuhan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu melalui hubungan interaktif yang disediakan, 3) mengembleng tenaga dan kerjasama antara polis dan masyarakat dalam memerangi jenayah dan lain-lain masalah

© COPYRIGHT UPM

keselamatan, 4) merubah persepsi negatif masyarakat terhadap polis sekali gus mewujudkan hubungan kerjasama. Lantaran itu, hubungan aktif dan interaktif antara polis dengan masyarakat adalah sangat penting untuk mewujudkan semangat kerjasama secara kolektif dalam menentukan keamanan dan keselamatan awam terjamin.

Bagi mencapai objektif Rakan Cop, beberapa pendekatan telah digunapakai, iaitu : (a) memberi didikan dan kesedaran sivik kepada masyarakat dalan memerangi jenayah, dadah, keselamatan dan lalu lintas, (b) menjadikan Rakan Cop landasan formal perhubungan polis dan masyarakat, (c) mewujudkan hubungan mesra antara polis dan masyarakat bagi meningkatkan keyakinan kepada PDRM dan (d) memberi maklumat untuk manfaat masyarakat dan negara. Justeru, ke arah menjana corak kehidupan yang lebih baik maka konsep Kepolisan Masyarakat (Community Policing) dilihat menjadi semakin penting bagi menangani cabaran-cabaran keselamatan alaf baru.

**Pernyataan Masalah**

Program Rakan Cop yang diperkenalkan oleh PDRM secara umumnya dapat meningkatkan kesedaran ahli masyarakat untuk bekerjasama dengan pihak polis dalam aspek pencegahan jenayah. Pelbagai program yang melibatkan penyertaan ahli masyarakat seperti Skim Kejiranan, Bandar Selamat, Sistem Salleh termasuk Rukun Tetangga dilihat masih kurang berjaya mencapai objektif bagi meningkatkan hubungan interaktif antara pasukan polis dan ahli masyarakat untuk membanteras jenayah. Oleh itu Rakan Cop adalah langkah proaktif dan strategi baru untuk meningkatkan kerjasama



© COPYRIGHT UPM

polis dan masyarakat secara terbuka, mudah dan pantas dalam konteks pembanterasan jenayah di Malaysia.

Hubungan polis dengan masyarakat yang dilakukan secara tradisional suatu ketika dulu adalah lebih kepada pendekatan bersemuka (*face to face)*. Namun, oleh kerana kesan kemajuan ICT masa kini, hubungan tersebut juga boleh dilaksanakan melalui aplikasi alat telekomunikasi. Kini ICT merupakan teras dalam sistem pengoperasian Rakan Cop, di mana maklumat disalurkan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) oleh orang ramai tanpa perlu bersemuka dengan anggota polis yang bertugas. Cara ini merupakan satu pendekatan baru yang ringkas, mudah dan cepat sekali gus menarik lebih penglibatan dari segenap lapisan masyarakat.

Walau bagaimanapun, para sarjana menegaskan bahawa konsep Kepolisan Masyarakat yang berorientasikan telekomunikasi sebagai saluran hubungan antara polis dan masyarakat mungkin mendatangkan kesan yang kurang baik dalam jangka panjang kerana pegawai dan anggota polis akan kurang berkomunikasi dengan masyarakat secara langsung. Ini bermakna program kepolisan masyarakat mungkin baik pada pandangan jabatan polis tetapi tidak semestinya baik pada pandangan masyarakat.

Berdasarkan laman sesawang Rakan Cop, didapati jumlah ahli yang telah berdaftar adalah melebihi 70 ribu orang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Angka yang membanggakan ini semakin hari semakin meningkat jumlah keahliannya. Ini menunjukkan kejayaan PDRM dalam mempromosikan program Rakan Cop kepada

© COPYRIGHT UPM

anggota masyarakat dalam usaha mendapatkan kerjasama dan komitmen masyarakat dalam menyalur maklumat jenayah kepada PDRM.

Unit Rakan Cop, Bahagian Hal Ehwal Awam, PDRM juga mengesahkan bahawa telah melaksanakan pelbagai program promosi, aktiviti pendidikan dan kesedaran terhadap pencegahan jenayah kepada anggota masyarakat di semua peringkat. Ekoran daripada pelbagai inisiatif yang diambil PDRM, didapati suatu kejayaan yang memberangsangkan telah diperoleh dengan penglibatan aktif di kalangan masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan jenayah. Namun, sekiranya dibandingkan antara jumlah kes jenayah dengan bilangan ahli dan bilangan maklumat yang disalurkan, masih terdapat jurang yang agak besar dapat dikenalpasti.

PDRM khususnya Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, sehingga kini masih berusaha untuk mengenalpasti tahap kesan program Rakan Cop terhadap ahlinya. Sepanjang tempoh 5 tahun beroperasi, masih belum ada kajian yang spesifik yang mengukur keberkesanan program Rakan Cop dari perspektif ahlinya. Namun, apabila dilihat kepada organisasi yang lain seperti Skim Rondaan Sukarela, anjuran Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, banyak kajian impak telah dijalankan bagi melambangkan keberkesanannya. Begitu juga RELA dan Jabatan Pertahanan Awam. Maka wajarlah dijalankan suatu kajian yang dapat menjawab persoalan keberkesanan program Rakan Cop ini dengan beberapa faktor-faktor asas seperti sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama ahli terhadap program Rakan Cop.



© COPYRIGHT UPM

Oleh yang demikian, dengan berdasarkan empat pembolehubah yang diketengahkan oleh penyelidik lalu dalam kajian-kajian berkaitan kepolisan masyarakat, maka kajian ini berusaha untuk menilai keberkesanan program Rakan Cop dan sekaligus memahami sumbangan faktor sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama ahli terhadap program Rakan Cop dan membawa kepada pencapaian objektif penubuhannya di Malaysia.

## Persoalan Kajian

Persoalan daripada kajian ini ialah :

1. Apakah kesan program Rakan Cop kepada ahli Rakan Cop dan masyarakat?
2. Apakah tahap sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama ahli terhadap program Rakan Cop?
3. Adakah terdapat perbezaan antara faktor gender dan etnik terhadap kesan Program Rakan Cop?
4. Adakah terdapat perkaitan antara sikap, pengetahuan, komitmen dan kerjasama ahli terhadap kesan Program Rakan Cop?

## Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah :

